

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2012-2013  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Rasional / Objektif	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
<b>JABATAN PELABUHAN</b>						
1	Menyediakan Perancangan Strategik Jabatan Pelabuhan 2012-2017	✓			Menyediakan peta hala tuju Jabatan bagi tempoh 5 tahun selaras dengan inisiatif strategik Kementerian Perhubungan iaitu bagi mendokong visi Kementerian Perhubungan untuk menjadikan negara ini mempunyai masyarakat yang canggih dan perhubungan cemerlang serta meningkatkan kedayasaingan negara menjelang tahun 2017	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PS 2012-2017 telah disediakan pada tahun 2011</li> <li>• PS 2012-2017 akan membawa agenda perubahan kepada Jabatan Pelabuhan dengan menggunakan pendekatan - pendekatan yang telah direncanakan iaitu memperkenalkan pembaharuan visi dan misi, pengemaskinian skop kerja, penstrukturan semula organisasi, peningkatan perkhidmatan kepada pelanggan dari segi pembangunan infrastruktur, meningkatkan mutu perkhidmatan operasi, pembangunan perniagaan, pembangunan tenaga kerja dan kecemerlangan organisasi.</li> </ul>
2	Cadangan Penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Pelabuhan		✓		<p>Bagi mendokong teras utama strategik Kementerian Perhubungan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Oengkorporatan dan penswastaaan</li> <li>2. Penyertaan dan kemudahan sektor swasta</li> <li>3. Pembangunan Infrastruktur</li> <li>4. Pembangunan Perniagaan</li> <li>5. Peningkatan Operas</li> <li>6. Pembangunan Tenaga Kerja dan Kecemerlangan Organisasi</li> <li>7. Persekitaran yang bersih, aman dan terjamin</li> <li>8. Promosi Hub</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membuat persediaan bagi penkorporatan Jabatan Pelabuhan dengan membanhunkan instrumen undang-undang dan lain-lain dokumen yang berkaitan persediaan;</li> <li>2. Untuk membangunkan dan menyokong penyertaan perniagaan yang berkaitan dengan industri pelabuhan, menjana sumber perkhidmatan luar pelabuhan dan menjadi pengendali pelbagai model ekonomi;</li> <li>3. Untuk terus menambahbaik dan menaik taraf kemudahan yang sedia ada dan menyediakan kemudahan lain untuk memenuhi permintaan masa depan industri yang berkaitan dengan pelabuhan;</li> <li>4. Membangunkan rangkaian perniagaan dan perkhidmatan yang sedia ada dan menyokong industri baru di Brunei Darussalam;</li> <li>5. Meningkatkan kualiti Perkhidmatan;</li> <li>6. Membangunkan tenaga kerja yang cekap, inovatif dan krratif melalui pembelajaran yang berterusan dan pembangunan kerjaya;</li> <li>7. Meningkatkan keselamatan pelabuhan melalui mesyuarat antarabangsa dengan menggabungkan ciri-ciri keselamatan dalam reka bentuk infrastruktur bagi memastikan keselamatan pelabuhan dan untuk menggalakkan persekitaran industri pelabuhan yang mesra;</li> <li>8. Membangunkan aktiviti pengedaran, pengantaran dan logistik di serantau Pelabuhan Muara.</li> </ol>

3	Pembaikan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR)		✓	Pembaikan TPOR ini merupakan satu lagi Strategi Jabatan ini supaya pemberian perkhidmatan awam lebih telus (transparent) yang setetntunya akan meningkatkan lahi pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Beberapa Jenis perkhidmatan permohonan dan memprosesan dapat dikenalpasti untuk dibaiki</li> <li>● Perkhidmatan ini ada yang menjangkau tempoh masa yang kurang dari sehari dan kurang dari jangka masa yang telah ditetapkan</li> </ul>
4	Latihan/bengkel/kursus/penempatan kerja/ Strategik Retreat/ bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Pekabuhan		✓	Meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai dan kakitangan Jabatan Pelabuhan dengan pelaksanaan peningkatan kapasiti masing-masing dalam persaingan alam pekerjaan	<p>Latihan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pelabuhan didalam mahupun diluar negeri adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran pegawai dan kakitangan pegawai dan kakitangan dengan cabaran dan teknologi terkini dalam alam perniagaan dan persaingan pekerjaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kursus-kursus dan latihan -latihan diadakan di Jabatan Pelabuhan sendiri bagi memudahkan Pegawai dan kakitangan menghadirinya dan menjimatkan masa. Bagi kursus yang memerlukan specialisation dan kompetensi ianya adalah diadakan di mana kusus tersebut diadakan bagi mengenal pasi akan kebolehan dan keberkesanan latihan dan kursus tersebut.</li> </ul>
5	Pekerja contoh / lantikan pengerusi pada kegiatan		✓	Meningkatkan kepimpinan dan daya saing Pegawai dan kakitangan jabatan. Ianya juga sebagai exposure kepada pegawai yang dilantik untuk menunjukkan keboleham masing-masing dari segi pekerjaan.	Daya saing dalam acara aktiviti sukan dan juga menguruskan sesuatu acara adalah salah satu cara bagi mencungkil bakat dan kebolehan seseorang pegawai dan kakitangan itu dalam mengendalikan sesuatu aktiviti atau majlis.
6	Mesyuarat Pengurusan / Mesyuarat Projek Progres / Muzakara Bersama Setiap Bahagian / Mentorship		✓	Penglibatan dalaman bagi pegawai dan kakitangan dan juga peningkatan professionalisma bagi kemajuan pegawai dan kakitangan jabatan	<p>Mesyuarat pengurusan diadakan setiap 2 minggu sekali yang mana dipenguruskan oleh Pengarah Pelabuhan. Ianya diadakan bagi mengetahui sejauh mana aktiviti dan perancangan yang telah dibuat dapat dilaksanakan dan dikongsi sama bagi penyelesaiannya. Mesyuarat Projek Progress adalah diadakan bagi mengetahui sejauh mana projek-projek yang telah dilaksanakan dijalankan. Muzakarah bersama setiap bahagian diadakan bagi mengetahui akan permasalahan yang berlaku dibahagian masing-masing dan untuk difikirkan jalan penyelesaiannya secara permesyuaratan dan perbincangan. Mentorship adalah satu model pembelajaran bersama dalam meningkatkan lahi pengetahuan dan keberjesanan sistem pekerjaan yang ada. Setiap sesuatu perkara atau pekerjaan yang dilaksanakan akan dapat dijadikan pengajaran kepada yang lain.</p>

JABATAN PERKHIDMATAN POS

7	Penyerahan EMS Door-to Door		✓		Merupakan perkhidmatan nilai tambah bagi perkhidmatan penyerah benda-benda EMS jenis bungkus (merchandise). Melalui perkhidmatan ini pelanggan-pelanggan yang telah mendaftar bagi perkhidmatan ini tidak lagi perlu datang ke kaunter pos untuk mengambil benda-benda EMS kerana ianya akan dihantar terus ke alamat penerima oleh posmen-posmen EMS
8	Sistem Jejak & kesan melalui laman web jabatan Perkhidmatan Pos		✓		Melalui inisiatif ini, pelanggan-pelanggan boleh menjejak dan mengesan status benda - benda pos mereka dengan menggunakan tracking number (nombor barcode 13 digit) melalui laman web jabatan Perkhidmatan Pos. Perkhidmatan-perkhidmatan yang terhad kepada EMS, berdaftar dan bungkus
9	Perkhidmatan penyerahan benda-benda EMS, berdaftar & bungkus pada hari jumaat		✓		Inisiatif ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada pelanggan-pelanggan yang bertugas di Jabatan - Jabatan kerajaan untuk mengambil benda-benda EMS, berdaftar & bungkus di luar waktu bekerja.
10	Menukar imej kaunter-kaunter pos		✓	Salah satu program rebranding yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Pejabat Pos The Mall merupakan kaunter yang dipilih sebagai pilot projek bagi program ini. Projek ini dilartakan ke pejabat-pejabat pos lain secara berperingkat.	Pejabat pos The Mall mula beroperasi pada 20 Mei 2013 dan dirasmikan pada 13 Jun 2013. Ianya di rekabentuk dengan ciri-ciri moden serta memberikan imej yang lebih komersil dan bergerak setapak kepada pendekatan yang mesra pelanggan dan lain dari imej yang ada sekarang. Pejabat Pos The Mall beroperasi pada hari Isnin, Selasa, Khamis dan Sabtu dan ditutup pada hari Rabu, Jumaat dan Ahad. Waktu perkhidmatan bagi pejabat pos ini bermula pada 12 tengahari sehingga 7 malam bagi perkhidmatan agensi dan bagi perkhidmatan tradisi berakhir pada jam 8 malam kecuali hari jumaat perkhidmatan bagi pejabat pos ini bermula pada jam 2 petang sehingga 7 malam bagi perkhidmatan agensi dan bagi perkhidmatan tradisi pada jam 8 malam
11	Meningkatkan keselamatan pelanggan di kaunter-kaunter pos		✓	Memberikan keselesaan kepada orang ramai apabila mereka berurusan di jabatan ini. Mereka akan merasa lebih selamat dan sekaligus 'trust' kepada dan imej Jabatan ini akan ditingkatkan	meningkatkan kewaspadaan kepada kakitangan pos yang bertugas agar lebih berhati-hati dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam. Ini diharap dapat membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan seperti yang diharapkan.  Inisiatif ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang mana pada masa ini pemasangan CCTV telah dilaksanakan di Kaunter-Kaunter Pejabat Besar Pos, Pusat Memproses Mel, Pejabat Pos Seri kompleks dan Pejabat Pos Gadong.